



SIARAN MEDIA BERSAMA

JABATAN PEMBANGUNAN WANITA DAN TALENTCORP ANJUR KARNIVAL KERJAYA KHAS UNTUK WANITA

Putrajaya, 5 Mac - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah menjalinkan kerjasama strategik bersama TalentCorp yang merupakan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) bagi penganjuran **Karnival Kerjaya Wanita** sempena sambutan Hari Wanita 2021. Sesi menandatangani dokumen kolaborasi strategik ini telah disempurnakan oleh YBrs. En. Thomas Mathew bagi pihak TalentCorp, manakala YBrs Dr. Zurina Binti Abdul Hamid bagi pihak JPW. Sesi ini turut disaksikan oleh YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia pada 3 Mac 2021.

“Karnival Kerjaya Wanita ini adalah satu inisiatif untuk menyediakan akses kepada peluang pekerjaan bagi golongan wanita. Kumpulan sasar wanita termasuk daripada golongan B40 akan dipadankan dengan pekerjaan yang ditawarkan melalui karnival ini agar mereka mempunyai sumber pendapatan tetap dan dapat meningkatkan taraf hidup mereka” ujar YB Datuk Seri Rina dalam ucapan beliau.

Selain daripada itu, Kementerian turut bersedia membantu wanita menguruskan emosi diri dan keluarga terutama semasa pandemik, menyediakan sokongan kepada wanita dan kanak-kanak yang mengalami keganasan rumah tangga dan khidmat sokongan sosial yang lain seperti kaunseling dan perlindungan.

YB Datuk Seri M. Saravanan semasa ucapannya berkata “program pertama yang akan dilaksanakan adalah Program Karnival Kerjaya Wanita secara Dalam Talian yang akan berlangsung selama dua hari bermula 9 Mac hingga

10 Mac 2021. Program ini bertujuan untuk menghubungkan para wanita dengan majikan-majikan di Malaysia yang sedang mencari modal insan melalui bengkel kebolehpasaran, pembelajaran serta kemahiran insaniah dan professional. Sebanyak 100 peluang pekerjaan professional akan ditawarkan daripada sektor perkhidmatan profesional dan perkhidmatan perniagaan (GBS) bersama majikan seperti PricewaterhouseCoopers Malaysia (PwC), Baker Huges dan Hays Consulting.”

Ini merupakan usaha berterusan Kerajaan untuk memperkasakan golongan wanita dalam aspek sosioekonomi dan menyokong tema sambutan Hari Wanita 2021 iaitu “Wanita Bangkit Mendepani Cabaran”. Diharapkan dengan adanya kerjasama ini, golongan yang terjejas akibat pandemik Covid-19 khususnya wanita dapat dibantu melalui padanan pekerjaan yang sesuai dan secara tidak langsung dapat menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara.

Berdasarkan dapatan tinjauan Institut Sosial Malaysia mengenai ‘Kesan Pandemik Kepada Pendapatan Kaum Wanita’ yang dijalankan pada Julai 2020, sebanyak 72.2% wanita terjejas pendapatan dan simpanan sepanjang pandemik Covid-19 ini. Daripada jumlah tersebut, 64.2% adalah terdiri daripada golongan B40. 41.7% wanita yang terjejas pendapatan pula tidak mempunyai pekerjaan tetap. Manakala, berdasarkan Statistik Pemerkasaan Wanita dalam domain terpilih (2020), kadar penyertaan tenaga buruh bagi wanita adalah 55.6% manakala bagi lelaki pula adalah 80.8%.

Hadir sama bagi majlis ini ialah YBhg. Dato’ Jamil Bin Rakon, Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Manusia, YBr. Dr. Hishamuddin bin Mohd Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), KPWK, YBr. Cik Wan Izzana Fatimah Zabedah Mohamad Salleh, Ahli Lembaga Pengarah, TalentCorp, serta Pengurusan Tertinggi KPWK.

###

Disediakan oleh : **Unit Komunikasi Korporat**
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK)
Jabatan No. 55, Persiaran Perdana
Presint 4, PUTRAJAYA

No.Telefon : 03-8323 1088

Tarikh dikeluarkan : 5 Mac 2021